

# Generasi lupa sejarah rugikan bangsa sendiri

Oleh Abdul Razak Raaff  
raaffar@bharatam.com.my



**A**PABILA bercerita mengenai sejarah maka ramai yang cuba mengelak dari mendengarnya kerana beranggapan ia hanyalah catatan bertulis mengenai peristiwa masa lampau.

Justeru, tidak hairan apabila seorang pegawai kanan kerajaan yang mengendalikan temu duga memberitahu ada calon temu duga gagal menjawab dengan tepat berkaitan sejarah kemerdekaan Malaysia dan tokoh negara terdahulu.

Malah, Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah ketika merasmikan Program Jejak Warisan Negeri Pahang: Wacana Mengingati Sejarah Untuk Kecemerlangan Masa Depan di Universiti Malaysia

Pahang (UMP), Gambang baru-baru ini juga menyatakan keimbangan bahawa kemajuan yang hendak dicapai negara akan tergендala jika penghayatan mengenai sejarah dan warisan terus dipinggirkkan terutama oleh generasi muda sekarang.

Peperahan 'tidak ada dulu tidak ada sekarang sudah memberi gambaran jelas bahawa peristiwa, catatan dan dokument dalam lipatan sejarah mengunjurkan elemen penting dalam pembangunan negara bangsa dan pembentukan jatidiri rakyatnya.'

Oleh demikian, sejarah

bukan satu perkara yang dipandang ringan semua lapisan masyarakat termasuk kanak-kanak, remaja dan belia kerana penghayatan dan pemahaman mengenainya boleh mewujudkan individu lebih patriotik dan memiliki semangat nasionalis kukuh dalam diri seterusnya dapat mempertahankan negara.

Jika tanya diri sendiri, mungkin kita juga dapat mengetahui sejauh mana pengetahuan kita mengenai sejarah negara sendiri dan adakah kita benar-benar mengetahui rentetan peristiwa pembentukan Malaysia, bagaimana negara mencapai kemerdekaan dan pembentukan Perlembagaan Persekutuan, tokoh pemimpin negara yang membawa negara mencapai kemajuan sehingga sekarang.

Persoalan ini sepatutnya tidak sukar dijawab sebenarnya jika sejarah mengejai Malaysia dihayati dan tersemat dalam kotak fikiran kerana ia sudah diajar sejak di peringkat sekolah rendah.

Bagaimanapun, sindrom 'mudah lupa' atau 'tak ingat' yang wujud dalam setiap individu menyebabkan lama kelamaan pemahaman berkaitan sejarah akan terhakis yang akhirnya merugikan diri sendiri, bangsa dan negara.

"Kekayaan sejarah dan warisan negara serta Pahang khususnya hendaklah terus dihayati sebagai suluh perdamaian yang tiada ternilai harganya bagi memandu kita ke arah kecemerlangan pada masa akan datang termasuk mencapai Wawasan 2020."

"Aspek seperti kedaulatan raja-raja, keunggulan

sistem raja berperlembagaan, kedudukan takhta dalam sistem pemerintahan demokrasi berparlimen tersemat dalam kotak fikiran kepada generasi muda supaya keistimewaan ini dihargai sebagai elemen teras dalam pemerkasaan negara bangsa dan semangat patriotik," titah Sultan Ahmad Shah.

Sehubungan itu, baginda meminta supaya diadakan lebih banyak program dan aktiviti menambah nilai dan berimpak tinggi bagi memperkaya pengetahuan generasi muda mengenai sejarah dan warisan sekali-gus mempersiapkan mereka sebagai warga lebih bertanggungjawab.

Justeru, saranan baginda itu perlu diberi perhatian serius semua pihak yang berkaitan baik jabatan dan

agensi kerajaan, organisasi korporat, badan bukan kerajaan (NGO), institut pengajian tinggi awam dan swasta serta pemimpin masyarakat demi manfaat rakyat.

Sebagai negara bangsa yang berdaulat, setiap individu sepatutnya 'pakar' mengenai sejarah tanah air sendiri sambil mengambil iktibar dan mengambil telaah dan apa yang sudah berlaku bagi mengelak peristiwa dan kesengsaraan yang tidak diingini berulang semula.

Kita tidak rugi jika dapat menjadikan sejarah sebagai sebahagian ilmu pengetahuan yang dapat membantu berdepan pelbagai cabaran pada masa akan datang dan membantu membangunkan negara mencapai kejayaan lebih cemerlang pada masa akan datang.

SH (Tiwu)  
11/10/10 m3